



LARIAN HERITAGE 2016



Treasure Hunt 2016

Hadiah Menarik Menanti Anda!!!!!!!

TEMPAT PERTAMA
RM500+ Medal + Sijil Penyertaan

TEMPAT KEDUA
RM300 + Medal+Sijil Penyertaan

TEMPAT KETIGA
RM200 + Medal+Sijil Penyertaan

TEMPAT KEEMPAT - KELIMA
RM100+ Medal+Sijil Penyertaan

KE-6 - KE-10
Hamper+Sijil Penyertaan

-Tarikh tutup penyertaan :
19 September 2016 (Isnin)

Maklumat Lanjut Sila
Hubungi Urusetia Di Talian

MAJLIS DAERAH LIPIS

No-Tel : 09-3121252/ 09-
3121433/ 09-3122971

H/p : 0195632130
Saifulriduan (Penyelaras)

Faks: 09-3123953

LOKASI :

BANGUNAN WARISAN
SEJARAH DAERAH LIPIS .

MERCU TANDA
PELANCONGAN BANDAR
KUALA LIPIS.....



Tarikh : 25 September 2016

Masa : 07.00 Pagi hingga 12.00 Tengahari

Hari : Ahad



PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT

1. ACARA

Acara 'Larian Heritage ' Treasure Hunt ke 14 Bangunan Warisan Sejarah yang akan diadakan pada 25 Sept 2016 ini dianjurkan oleh Majlis Daerah Lipis (MDL) sempena Karnival Lipis 2016 yang berlangsung pada 22 hingga 25 September 2016 . Acara akan bermula di Check Point pertama di Kompleks Pejabat Kerajaan , dan berakhir di di Check Point 7 di Muzium Warisan.

2. KELAYAKAN DAN YURAN PENYERTAAN

1. Terbuka kepada semua penduduk Lipis, Badan-badan Kerajaan, NGO, JKKK, JPP, Sekolah, Pertubuhan serta Persatuan dalam Daerah Lipis.
2. Yuran Penyertaan adalah **percuma**
3. Umur : 15 tahun – keatas dan sihat tubuh badan
4. Penyertaan ini adalah acara berpasukan yang terdiri daripada 4 orang setiap pasukan.
5. Peserta dibahagikan kepada satu kategori sahaja – TERBUKA.
6. Untuk Kategori TERBUKA, diperlukan **dalam satu kumpulan sekurang-kurangnya 4 orang peserta.**
 - i. **Jumlah peserta bagi setiap pasukan adalah empat (4) orang dan setiap pasukan wajib mempunyai komposisi campuran jantina 3 orang lelaki dan seorang perempuan. (3 orang lelaki dan 1 orang perempuan).**
 - ii. **Pakaian semasa pertandingan adalah pakaian sukan dan berkasut.**
7. Kepada peserta yang mengambil bahagian dalam acara 'Larian Heritage Treasure Hunt Karnival Lipis 2016' akan berpeluang memenangi hadiah yang ditawarkan.
8. Borang penyertaan yang dikeluarkan oleh penganjur hendaklah disempurnakan dan dihantar ke alamat berikut untuk diterima pada atau sebelum **12.00 tengahari pada 19 hb September, 2016**

URUSETIA,

'Larian Heritage Karnival Lipis 2016'

Majlis Daerah Lipis,

Kompleks Pejabat Kerajaan,

27200 Kuala Lipis,

Pahang Darul Makmur.

No. Tel.Pejabat : 09-3121253/ 09-3121433/ 09-3122971

No H/P : 019-5632130 (Saifulriduan)

No Faks: 09-3123953

3 PENDAFTARAN PASUKAN DAN TAKLIMAT

- 3.1 Sekurang-kurangnya seorang dari ahli pasukan yang menyertai acara Acara 'Larian Heritage ' Treasure Hunt 2016 ini perlu hadir pada sesi Pendaftaran & Taklimat yang pada pagi sebelum pertandingan iaitu pada tarikh dan tempat berikut: -

Tarikh :25 hb September 2006 (Ahad)
Waktu : 07.00 pagi
Tempat : Dataran Orang Kaya Haji
Padang Majlis Daerah Lipis

- 3.2 Pasukan atau wakil yang tidak hadir di sesi Pendaftaran dan Taklimat akan dibatalkan penyertaannya.

4 PERLUMBAAN

- 3.3 Acara 'Larian Heritage ' Treasure Hunt 2016 ini peserta hanya dibenarkan berjalan kaki sahaja. Peserta tidak sama sekali dibenarkan menggunakan apa-apa kenderaan semasa pertandingan ini dijalankan. Jika di dapati ada kumpulan melanggar peraturan ini, kumpulan tersebut akan dibatalkan penyertaannya. Semua peserta di kehendaki memastikan semua ahli kumpulan berada dalam keadaan sihat dan sempurna bagi menjalankan pertandingan ini .
- 3.4 Nombor penyertaan dan pelekat-pelekat lain yang diberi oleh pihak penganjur mestilah ditampalkan seperti yang diarahkan oleh pihak penganjur. Tiada pengiklanan lain selain yang diberi oleh pihak penganjur akan dibenarkan. Para peserta juga hendaklah memenuhi kod pakaian seperti yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

5 FORMAT ACARA

- a. Acara ini bukanlah satu perlumbaan. Pemenang dipilih **berdasarkan kiraan kutipan mata atau markah terkumpul bagi setiap soalan yang dijawab oleh peserta di setiap check point yang telah ditetapkan.** Siapa sampai dulu tidak semestinya akan memenangi hadiah. Para peserta diingatkan supaya mematuhi syarat-syarat dan undang-undang trafik semasa di jalanraya pada setiap masa. Markah penalti akan diberikan kepada mana-mana ahli atau pasukan yang melanggar peraturan trafik jalanraya.
- b. Arah tuju pemanduan adalah berpandukan 'clue' (soalan) dan penunjuk arah yang akan diberikan di permulaan acara. Penunjuk arah biasanya adalah dengan menggunakan kaedah 'Rally Tulips'. Setiap pasukan akan menerima panduan 'tulips' beserta set soalan pada permulaan acara.
- c. Setiap kumpulan akan diberi 1 set soalan kembara disetiap check point yang telah ditetapkan.

- d. Set Soalan Kembara perlu dijawab dan dihantar kepada urusetia yang bertugas di setiap check point sebelum urusetia tersebut akan menyerahkan set soalan kembara yang baru beserta lokasi bagi check point yang seterusnya.

Lokasi Check Point adalah seperti berikut :

1. Check Point 1

: Bangunan Pentadbiran Daerah Lipis

2. Check Point 2

: Pahang Club

3. Check Point 3

: Pejabat Pos

4. Check Point 4

: Stesen Keretapi

5. Check Point 5

: Masjid Negeri

6. Check Point 6

: Rumah Kediaman Bekas Setiausaha Kerajaan (Muzium Lipis)

7. Check Point 7

: Rumah Rehat Bukit Residen

8. Check Point Penamat (Finish Control)

: Khemah Urusetia (Dataran Orang Kaya Haji)

- e. Semua peserta perlu hadir di tempat pelepasan (Dataran Orang Kaya Haji) pada jam 7.00 pagi. Pelepasan akan bermula 7.30 pagi
- f. Tempoh masa pertandingan adalah **4 jam sahaja**. Mana- mana kumpulan yang melepasi masa yang telah ditetapkan akan disingkirkan dari pertandingan.
- g. Set jawapan yang lengkap hendaklah diserahkan oleh Navigator kepada Pegawai Bertugas di 'Finish Control' (Kawalan Penamat – Khemah Urusetia) sebelum pukul 11.30 pagi pada 25 hb Sept, 2016.

6 SISTEM PEMBERIAN MARKAH DAN PENENTUAN PEMENANG

- a. Markah akan diberikan kepada setiap jawapan yang betul dan tepat. Wajib keempat-empat peserta setiap kumpulan melepasi check point terakhir sebelum dapat dibuat pengiraan markah bagi kumpulan tersebut. Pasukan yang melengkapkan jawapan dalam tempoh masa yang dibenarkan dan mendapat markah tertinggi setelah ditolak

markah penalti (jika ada) akan diisytiharkan sebagai pemenang. Keputusan yang dimaklumkan adalah muktamad. Sebarang bentuk bantahan tidak akan dilayan.

b. Penentuan pemenang akan dibuat oleh jawatankuasa penganjur berdasarkan ciri penilaian dari segi :

- I. Setiap jawapan yang tepat dan lengkap (Soalan Kembara)
- II. Kecepatan masa (pasukan yang terawal tiba di check point penamat)
- III. Kerjasama pasukan dan lain-lain

c. Hadiah-hadiah berasingan akan diberi kepada pemenang pemenang seperti berikut:

Pertama	- RM500 + Medal+Sijil Penyertaan
Kedua	- RM300 + Medal+Sijil Penyertaan
Ketiga	- RM200 + Medal+Sijil Penyertaan
Keempat-kelima	- RM100 + Medal+Sijil Penyertaan
Keenam – Kesepuluh	- Hamper+Sijil Penyertaan

7 HAL-HAL LAIN

- a. Setiap peserta acara 'Larian Heritage ' Treasure Hunt 2016 ini wajib menandatangani Surat Akuan Janji 'Declaration of Indemnity' yang termaktub di dalam Borang Penyertaan.
- b. Penyampaian hadiah akan dibuat selepas selesai pertandingan dan pengiraan markah oleh pihak urusetia.
- c. Dengan mengambil bahagian dalam acara ini, para peserta membenarkan gambar yang diambil, yang menunjukkan mereka sebagai peserta acara mencari harta karun ini, yang diambil semasa taklimat, pada hari acara atau keesokan harinya, untuk digunakan bagi tujuan berita, arkib, publisiti atau promosi oleh pihak penganjur.
- d. Barisan permulaan pada hari acara akan seperti yang ditentukan oleh pihak penganjur, dan tiada kumpulan atau peserta yang berhak membuat tuntutan keatas mereka.

8 HAK PENGANJUR

- a. Penganjur berhak meminda undang-undang acara 'Larian Heritage ' Treasure Hunt 2016 ini.
- b. Penganjur berhak untuk menolak penyertaan peserta atau penggunaan kereta, menunda, atau membatalkan acara ini pada bila-bila masa jika perlu.


- c. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap risiko seperti kemalangan, saman trafik, kerugian dan sebagainya kepada mana-mana peserta sebelum, semasa atau selepas pertandingan ini atau disebabkan pertandingan ini.
- d. Pihak Penganjur tidak menyediakan insuran kemalangan kepada peserta.
- e. Borang penyertaan dan syarat pertandingan boleh dimuat turun di laman web <http://www.mdlipis.gov.my>

Penganjur
MDL Larian Heritage '*Treasure Hunt*' 2016

BORANG PENYERTAAN



TREASURE HUNT



#Acara 'Larian Heritage' Treasure Hunt ke 14 Bangunan Bersejarah Yang akan diadakan pada 25 Sept 2016 (Ahad) bermula jam 07.00 pagi dan berakhir jam 1200 tengahari.

#Acara akan bermula di Check Point pertama di Kompleks Pejabat Kerajaan, Dan berakhir di Check Point 7 di Muzium Warisan.

#Setiap pasukan terdiri daripada maksimum empat (4) orang .

#Tarikh tutup penyertaan ialah 19 september 2016 (Isnin)

HADIAH

TEMPAT PERTAMA
RM500 + Medal + Sijil Penyertaan

TEMPAT KEDUA
RM300 + Medal + Sijil Penyertaan

TEMPAT KETIGA
RM200 + Medal + Sijil Penyertaan

TEMPAT KE -4 HINGGA KE -5
RM100 + Medal + Sijil Penyertaan

TEMPAT KE- 6 HINGGA Ke-10
Hamper + Sijil Penyertaan

SILA HUBUNGI :

URUSETIA

Saifulriduan b Ahmad Mustaffar
'Larian Heritage Karnival Lipis 2016'
Majlis Daerah Lipis,
Kompleks Pejabat Kerajaan,
27200 Kuala Lipis,
Pahang Darul Makmur.
Tel : 09-3121253/ 09-3121433/
09-3122971
H/P : 0195632130
Faks: 09-3123953

PESERTA 1		No. K.P		No Telefon	
Ketua Pasukan					
Email		No. H/P			
PESERTA 2		No. K.P		No Telefon	
Email		No. H/P			
PESERTA 3		No. K.P		No Telefon	
Email		No. H/P			
PESERTA 4		No. K.P		No Telefon	
Email		No. H/P			

AKUAN & TANDATANGAN PESERTA

Kami mengesahkan semua maklumat yang diberi adalah benar dan lengkap. Kami telah membaca peraturan dan syarat penyertaan acara ini dan bersetuju mematuinya. Dengan menyertai ini, kami tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap pihak penganjur Majlis Daerah Lipis, wakil-wakilnya, penaja dan orang perseorangan yang terlibat dalam acara ini, sekiranya berlaku kemalangan, kecederaan, kematian, kerosakan atau kerugian yang berpunca dari penyertaan kami. Kami juga mengesahkan bahawa mereka tidak akan bertanggungjawab kepada kami atau mana-mana parti ketiga, yang disahkan oleh kami atau membuat tuntutan bagi kami, untuk kehilangan atau kerosakan kepada harta benda, atau kecederaan atau kematian kepada seseorang, samada secara terus atau tidak langsung disebabkan oleh penyertaan kami dalam acara ini.

PESERTA 1 PESERTA 2

PESERTA 3 PESERTA 4

Tarikh :

KEGUNAAN URUSETIA

DITERIMA OLEH : _____

TARIKH TERIMA : _____

NO PASUKAN : _____